

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

YTP 322 - Penerbitan Televisyen II

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 1 muka surat bercetak dan TIGA soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA (2) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Telitikan segmen laporan dalam rancangan majalah yang ditayangkan. Nilaikan tema dan ide-ide utama yang disampaikan dan komen secara kritis penafsiran yang dicadangkan kepada audiens.

(50 markah)

2. Anda ditugaskan untuk mereka satu pengumuman perkhidmatan awam (public service announcement) selama 60 saat, berhubung dengan alam sekitar. Pilih satu isu dan bincangkan konsep dan struktur yang akan anda gunakan untuk menjalankan tugas ini. Sediakan juga satu skrip yang merangkumi suara latar dan visual yang akan digunakan.

(50 markah)

3. Anda ditugaskan untuk membuat satu laporan video selama 5 minit mengenai satu isu kontroversi di kalangan pelajar kampus. Bincangkan rasional dan matlamat di sebalik pemilihan topik anda. Sediakan satu cadangan dengan memberi perhatian kepada struktur, ide-ide utama dan imageri yang hendak disampaikan; aktor-aktor utama dan perhubungan mereka dalam isu tersebut. Nyatakan juga cabaran-cabaran yang anda mungkin menghadapi dalam menjayakan tugas ini.

(50 markah)

-oooOooo-